

**Program Speed Reading di Perpustakaan Francis Light,
Kolej Peninsula Georgetown**

26 JUN 2024



Pada 26 Jun 2024, PTAR telah mendapat jemputan bagi mengadakan Program Speed Reading anjuran Perpustakaan Francis Light, Kolej Peninsula Georgetown.

Sesi yang berlangsung selama 2 jam ini telah dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina binti Zamperi dan dibantu oleh 2 orang fasilitator iaitu Puan Nur Azriena binti Yusuf dan Puan Noor Sapiza binti Tajuddin.

Program ini telah disertai seramai 15 orang yang terdiri daripada pelajar dan staf Kolej Peninsula Georgetown.

Objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan peserta dengan kemahiran membaca pantas yang bukan sahaja membantu dalam proses pembelajaran tetapi juga meningkatkan produktiviti dalam pengajaran dan kerja harian.

Suasana sesi ini berlangsung dengan interaktif, di mana peserta diberi peluang untuk berkongsi pengalaman dan mendapatkan bimbingan langsung daripada fasilitator.

Program ini berakhir pada jam 11.00 pagi dengan maklum balas positif daripada peserta, yang menyatakan bahawa teknik yang dipelajari sangat berguna dan relevan untuk diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Program seperti ini diharapkan dapat diteruskan di masa akan datang untuk memberi manfaat kepada lebih ramai pelajar dan staf.



LIBRARY *Buzz*

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang



Sidang Redaksi Library Buzz 2024

Reka letak

Rafidah Muhamad Sam

Fotografi

Rafidah Muhamad Sam

Penulis

Nor Azilawati Mohamad Azmi

Rafidah Muhamad Sam

Penyunting

Aina Nur Umairah binti Abdul Rahman

Irdina Nadia binti Mohd Madzhar

Nur Afina binti Zahari

Seksyen Korporat & Kolaborasi

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

UiTM Cawangan Pulau Pinang

04-382 2701